

U B174 MMD -  
MAHATHIR -PALESTIN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 0001, NOV. 30)

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 29 NOV. (BERNAMA) -- MALAYSIA MENGULANGI SOKONGANNYA TERHADAP USAHA SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSABERSATU, ENCIKJAVIER PEREZ DE CUELLAR UNTUK MENGADAKAN SATU PERSIDANGAN DAMAI ANTARABANGSA MENGENAI ASIA BARAT.

NEGARA INI PERCAYA BAHAWA PERSIDANGAN DAMAI SEUMPAMA ITU YANG DIHADIRIOLEH SEMUA PIHAK YANG BERKENAAN TERMASUK PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) MUNGKIN DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH MENCAPAI SATU PENYELESAIAN, KATADATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA HARI PERPADUAN ANTARABANGSA DENGAN RAKYATPALESTINPERDANA MENTERI BERKATA TRAGEDI YANG MENIMPA RAKYAT PALESTIN SEBENARNYA SATU TRAGEDI MANUSIA SEJAGAT.

BELIAU MENYESALI BAHAWA SUNGGUHPUN BERBAGAI-BAGAI USAHA TELAH DIJALANKAN OLEHMASYARAKATANTARABANGSA, MASIH BELUM NAMPAK SEBARANG TANDA PENYELESAIAN MASALAH PALESTIN.

+ PENYELESAIAN HENDAKLAH SESUATU YANG DAPAT MEMBAWA KEADILAN KEPADA RAKYAT PALESTIN DENGAN HAK UNTUK MEWUJUDKAN KEMERDEKAAN DI TANAH AIR MEREKA+, KATANYA.

MALAYSIA YAKIN BAHAWA PERISYTIHARAN GENEVA DAN RANCANGAN TINDAKAN YANG DILULUSKAN DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PALESTIN YANG KEMUDIANNYA DIPERSETUJUI OLEH PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSABERSATU MERUPAKAN SATU ASAS BAGI MENDAPATKAN SATU PENYELESAIAN YANG SAKSAMA. -- BERNAMA

1844MST 29 11 84